RASMI KERAJAAN BRUNEI AKHBAR

پليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 19 | RABU 8 MEI, 1985. | 1405 رابو 17 شعبان | PERCUMA

# Perarakan Penuh Adat Istiadat Hari Ini

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Berarak bagi Cucunda Angkat, Cucunda Asuh dan Cucunda Pelihara kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia 2Lt Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah berlangsung hari ini dengan penuh adat istiadat dan kebesaran Diraja Brunei Darussalam.**

**Perarakan itu adalah sebahagian daripada Istiadat Berkhatan bagi Yang Amat Mulia 2Lt Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah iaitu putera sulong kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binti Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.**

Oleh Jaafar Ibrahim dan Ahat Ismail

Bermula dari Istana Darul Hana, Yang Amat Mulia 2Lt Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah diarak mengelilingi ibu negara, Bandar Seri Begawan dengan menaiki sebuah kenderaan khas.

Kira-kira 12,000 orang murid-murid sekolah berbaris di sepanjang Jalan Istana Darul Hana dan di kawasan Balai Bomba menuju ke tengah ibu negara melalui Jalan Sultan dan seterusnya melalui Jalan McArthur dan Jalan Stoney.

### ISTIADAT BERPACAR

Malam semalam Istiadat Berpacar bagi Yang Amat Mulia 2Lt Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah telah dilangsungkan di Balai Indera Buana Istana Darul Hana.

Perayaan selama lima hari bagi Istiadat Berkhatan telah dimulakan sejak hari Sabtu 4 Mei lepas setelah Istiadat Mengurniakan Gandang Jaga-Jaga dilangsungkan di Lapau Penghadapan di sini dan kemudiannya diikuti dengan Istiadat Menjawati Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Balai Pemajangan Persantapan Diraja, Istana Darul Hana.

Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Lapau Penghadapan telah disempurnakan di hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizaddien Waddaulah dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Sementara Istiadat Menjawati Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga telah disempurnakan di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku wakil Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Lihat muka 16



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Istiadat Mengurniakan Gandang Jaga-Jaga di Lapau Penghadapan. (Ak. Abu Bakar PHO)

## Negara mampu hasilkan penulis-penulis terkenal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Haji Munap melahirkan keyakinannya negara ini mampu menghasilkan penulis-penulis terkemuka di peringkat antarabangsa di masa depan.

Oleh Abd. Karim HAB

Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa menghasilkan sesebuah novel yang baik merupakan satu cabaran hebat yang memerlukan kegigihan yang tidak kendur-kendur, ketekunan, sanggup berkorban masa dan semangat berkobar-kobar yang tidak kenal erti kegagalan.

"Menghasilkan novel yang bermutu yang boleh mendapat sambutan ramai bukanlah ibarat mengeluarkan air paip semata-mata dengan pusingan tangan kita yang mudah sahaja bagaimanapun saya berpendapat bukan mustahil penulis-penulis kita muncul sebagai penulis-penulis novel terkemuka di arena antarabangsa suatu ketika nanti," katanya dalam ucapannya selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Novel sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1983 di Balai Pameran DBP pada malam Ahad lepas.

Tambahnya, dari sambutan yang menggalakkan

Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA yang mendapat petunjuk, maka sesungguhnya itu adalah petunjuk untuk dirinya, dan siapa yang sesat sesungguhnya itu adalah kesesatan atas dirinya (pula). Dan tidaklah menanggung seorang atas tanggungan orang lain. Dan tidaklah Kami mengazab sehingga Kami utus seorang utusan." — Makna ayat 15, Surah Al-Isra'



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Majlis Istiadat Menjawati Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Balai Pemajangan Istana Darul Hana. (Pg. Haji Yaakub).

Pelita Brunei

8 MEI, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENDIDIKAN DIGANDINGI KEMULIAAN BUDI PEKERTI

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai kepentingan ilmu pengetahuan digandingi oleh kemuliaan budi pekerti baru-baru ini wajarlah mendapat perhatian yang sungguh-sungguh dari semua pihak. Kepentingan tersebut, menurut baginda, ialah supaya akan tercapai pendidikan yang bermanfaat kepada kemajuan negara melalui tenaga manusia yang jujur lagi ikhlas.

Pencapaian pendidikan yang sedemikian itu tentu sekali lebih berkesan menerusi saluran-saluran persekolahan. Kerana itulah Kerajaan telah melaksanakan rancangan pelajaran yang boleh dikatakan menyeluruh. Kesempatan dan peluang yang telah dan sedang diberikan dengan luasnya oleh Kerajaan sudah pun ketara mendatangkan hasil dengan berkat sambutan baik rakyat. Dalam pada itu kita tidaklah sepatutnya mudah berpuas hati setakat apa yang dicapai. Sebaliknya pencapaian yang ada pada masa ini hendaklah seterusnya kita kembangkan.

Khusus mengenai bidang keugamaan di mana pendidikan yang sempurna mestilah berasaskannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titah Baginda itu secara khusus telah menyerukan generasi baru yang menjadi harapan masa depan negara supaya mempergunakan kesempatan dan peluang yang telah disediakan dengan luasnya itu. Mereka diserukan supaya memahami dengan betul ajaran-ajaran ugama Islam serta menghayatinya dengan penuh kesedaran.

Titah tersebut Baginda kaitkan dengan masalah belia-belia di setengah-setengah tempat atau negeri. Semua negara di dunia boleh dikatakan menghadapi masalah belia yang tidak lagi menjadi ejen kebajikan tetapi menjadi beban yang berat kepada negara mereka. Sungguhpun negara kita belum sampai menghadapi masalah belia seperti yang dialami oleh kebanyakan negara sekarang tetapi sebagai bangsa yang berkehendakkan kehidupan yang stabil dan berbudi pekerti kita sesungguhnya turut merasa bimbang. Kerana itulah kita sedapat daya mengusahakan berbagai langkah terutama sekali menerusi bidang pendidikan dan pelajaran bagi mempastikan belia-belia kita akan terus menjadi kebanggaan, disayangi — bukan dibenci, bertanggungjawab — bukan menjadi ancaman kepada negara dan masyarakat bermaruah — bukan menjadi penyebar kerosakan dan penyakit serta pelanggar tatasusila dan budaya yang sopan lagi, senonoh.

Adalah membanggakan manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menitahkan bahawa bagi mempastikan pendidikan yang sempurna sebagaimana yang dihajati maka ketinggian ilmu pengetahuan hendaklah digandingi oleh kemuliaan budi pekerti. Pendidikan sedemikian meliputi semua aspek kehidupan kita sebagai suatu bangsa. Dan kita percaya di semua peringkat dalam negara ini maka hasrat tersebut akan dapat diungkayahkan bersama.

---

**BERIKUT ialah ucapan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Haji Munap di Majlis Sambutan Israk Mikraj anjuran Badan Kebajikan Ugama Islam, Jabatan Audit pada 18 April lepas.**

# SIKAP 'MALAS KU INGAU' BERPUNCA DARI TAWAR HATI



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Haji Munap ketika berucap selaku tetamu kehormat di majlis itu.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul di majlis hari yang mulia ini, iaitu untuk bersama-sama menyambut Israk dan Mikraj yang juga diraikan di seluruh tanahair kita yang bertuah ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang seikhlas-ikhlasnya kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Majlis Sambutan Israk Mikraj 1985, Jabatan Audit, atas kesudian mereka menjemput saya hadir dan seterusnya menyampaikan sepatah dua kata di majlis ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Di dalam konteks usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, bersih dan penuh amanah pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Audit memainkan peranan yang penting di dalam usaha-usaha itu. Sebagaimana jua jabatan-jabatan lain yang tertentu Jabatan Audit adalah sebuah jabatan yang patut digalati oleh semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan juga masyarakat sekelilingnya berasaskan kepada tanggungjawab yang penting yang diamanahkan kepadanya.

Sepertimana yang para hadirin ketahui, saya adalah seorang pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang sudah lama berkecimpong dalam hal-ehwal pentadbiran. Dan sebagai seorang pegawai yang sudah lama berkhidmat sebagai seorang pegawai yang pernah juga mengalami pahit getirnya kehidupan selain daripada manisnya kejayaan dalam karier sebagai seorang pegawai kanan Kerajaan, saya kira saya sudah banyak makan asam garam dan tidaklah keterlaluan jika saya cuba untuk mencungkil pengalaman-pengalaman yang pernah saya tempuh dan seterusnya menyarankan panduan-panduan dan nasihat-nasihat dari pengalaman saya itu untuk kebaikan bersama.

Antara panduan-panduan dan nasihat-nasihat yang boleh saya ajukan di sini ialah bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan itu adalah juga manusia yang mempunyai kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan sebagai manusia. Sebagai manusia yang juga memegang jawatan-jawatan sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan mereka juga adalah didorong oleh cita-cita dan kemahuan dan meskipun ada di antara kita yang dalam kita bergiat didorong oleh idealisma-idealisma yang murni, tidaklah akan keterlaluan jika saya menyatakan bahawa di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang ada, "the lowest common denominator" di antara mereka itu ialah mereka itu bergerak dan bergiat di atas dorongan mahukan kemajuan di dalam karier masing-masing yang berupa kenaikan pangkat, gaji, status dan seumpamanya. Cuma di dalam mereka itu bergerak dan bergiat ke arah kemajuan karier masing-masing pengalaman saya juga telah menunjukkan bahawa manusia itu mempunyai berbagai-bagai perwatakan, usaha, gaya dan ragam. Ada yang pendiam tetapi berkerja keras ada yang berkerja keras tetapi pemanas dan mudah pula 'frustrated' atau tawar hati, ada yang pemalas tapi berkemahuan tinggi, ada yang tidak pandai berkerja tetapi pandai mengampu, ada yang manis di hadapan kita tetapi menikam pula di belakang kita kalau apa yang dicita-citakannya tidak berjaya, ada yang manis jika dia mahu sesuatu tetapi terus akan melupakan kita jika yang dicita-citakannya itu sudah diperolehinya, ada yang mengampu jika kita dalam kejayaan dan memijak kita pula jika kita dalam kesusahan (kura-kura pun pandai naik pohon kayu!), ada yang suka membalas dendam kerana kemahuannya dahulu tidak tercapai, ada pula yang suka bersikap "malas ku ingau" kerana tawar hati dan menghabiskan masa pejabat pula berbual-bual tentang perkara yang tidak mendatangkan kebajikan kepada sesiapa pun, dan ada pula jenis "goodie-goodie" — lain cakap, lain diperbuat dan banyak main belakang.

Sebenarnya bukanlah niat dan tujuan saya untuk menyentuh peribadi siapa-siapa pun dalam saya memaparkan berbagai-bagai perwatakan, usaha, gaya dan ragam manusia dari pengalaman saya itu. Apa yang perlu untuk kita fahami dan hargai di sini ialah perwatakan dan keolahan yang saya nyatakan itu tadi tidak dapat diasingkan daripada ciri-ciri manusia yang sebenarnya dan saya kira ciri-ciri itu boleh didapati di antara mana-mana kelompok manusia, sama ada mereka pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan atau pun bukan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, tidak mengira bangsa dan negara dan akan tetap didapati selagi manusia bertapak di muka bumi ini. Dan jika kita memahami dan menghargai akan hakikat ini, kita juga akan memahami dan menghargai bahawa segala peraturan-peraturan adalah dibuat kerana manusia itu, pada hakikatnya, juga mempunyai kelemahan-kelemahan selain daripada kekuatan-kekuatannya — pendek kata manusia itu adalah "imperfect."

Sepertimana yang selalu kita dengar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah berusaha untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, bersih dan penuh amanah. Dan sepertimana juga yang ditunjukkan oleh pengalaman saya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan itu"at the lowest common denomintor" juga mempunyai cita-cita dan kemahuan akan kemajuan karier mereka masing-masing dan dalam pada bergerak dan bergiat ke arah itu ada juga menunjukkan perwatakan, usaha, gaya dan ragam yang mencerminkan ciri-ciri manusia yang tidak "perfect" dan mungkin bertentangan. Selain daripada itu pentadbiran itu adalah berasaskan kepada kerjasama di antara semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan, antara lain, mutu pentadbiran itu juga bergantung kepada mutu kerjasama di antara pegawai-pegawai dan kakitangan. Dan jika sedemikian, memandangkan kepada ciri-ciri manusia yang tiak "perfect" dan mungkin bertentangan apakah usaha-usaha ke arah mewujudkan pentadbiran yang cekap, bersih dan penuh amanah itu hanyalah satu perkara yang mudah disebut-sebutkan tetapi susah pula untuk melaksanakan?

Berasaskan kepada pengalaman saya sendiri dan kenyataan yang ada saya percaya bahawa pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga mempunyai faktor-faktor yang positif ke arah mewujudkan pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah. Antara lain, tidak dapat dinafikan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam perkhidmatan awam Kerajaan Baginda adalah terdiri dari rakyat dan penduduk yang mempunyai latar belakang beranika corak. Ada yang datang dari ulu, ada yang datang dari bandar, ada anak petani, nelayan dan buruh dan ada juga anak saudagar dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Dan jika kita teliti latar belakang-latar belakang pegawai-pegawai kanan yang menduduki jawatan-jawatan seperti Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Timbalan-timbalan Ketua Jabatan dan lain-lainnya adalah nyata bahawa, tertakluk kepada syarat-syarat dan skim-skim perkhidmatan, latar belakang seseorang pegawai itu tidak menjadi penghalang kepada kemajuan kariernya, termasuk kenaikan pangkat yang kita semua cita-citakan, jika dia mempunyai kelayakan, pengalaman, kebolehan, kesanggupan yang sesuai dan perwatakan yang baik.

Kedua,memanglah disedari bahawa kadangkala ada terdapat pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang ketinggalan oleh rakan-rakan sebaya mereka dalam exercise-exercise kenaikan pangkat ke peringkat-peringkat yang tertentu. Tetapi dari pengalaman saya, jika jawatan-jawatan kosong masih ada dan rekod-rekod mereka adalah memuaskan tiada sebab-sebab kenapa mereka itu akhirnya juga tidak dapat membubut rakan-rakan mereka itu.Selain daripada itu pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai jentera-jentera untuk menyelaras dan mengimbangkan kenaikan-kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan yang tertentu.

Saya berharap keterangan-keterangan yang saya berikan itu tadi akan melegakan perasaan kurang senang di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya pegawai-pegawai muda yang baru berkhidmat. Saya juga menyedari bahawa ada di antara mereka yang menjadi tawar hati hingga mengambil sikap 'malas-ku ingau' kerana kelemahan-kelemahan kepimpinan di kalangan pegawai-pegawai atasan mereka. Kepada mereka itu, saya ingin menasihatkan supaya bersabar dan jangan sekali-kali menarik diri mereka dari penyertaan-penyertaan yang giat di dalam pentadbiran sehari-hari di jabatan mereka masing-masing tetapi sebaliknya terus berusaha, sejauh mana yang boleh,untuk menarik perhatian pegawai-pegawai atasan mereka kepada kelemahan-kelemahan di dalam aspek-aspek pentadbiran atau pengolahan jabatan mereka masing-masing yang tidak menyenangkan itu.

Akhir sekali saya ingin mengingatkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Audit khususnya,dan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang lain amnya tentang pentingnya kejujuran atau integrity dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab kita seharihari. Pada pendapat saya kejujuran atau integrity itu selain kebersihan daripada rasuah dan penyelewengan juga meliputi kebersihan daripada hawa nafsu dan perbuatan seperti khianat, dendam kesumat, iri hati, benci dan hasad dengki di dalam menjalankan peraturan-peraturan yang diamanahkan kepada kita. Sebaik-baik jalan bagi kita menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab kita ialah atas asas kerana Allah, kerana pentadbiran yang cekap, bersih dan penuh amanah bukanlah gelanggang untuk menodai, mendendam dan mencakar orang yang kita benci, tetapi mempunyai matlamat yang lebih murni daripada itu.

Para hadirin yang dihormati sekali,

Sebagai penutup sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang seikhlas-ikhlasnya kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Majlis Sambutan Israk Mikraj 1985 Jabatan Audit, atas kesudian mereka menjemput saya hadir pada petang ini. Jika ada kata-kata yang kurang manis saya memohon maaf dengan seikhlas-ikhlasnya.

Sekian.

Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-276

# PUAK BATINIYYAH (Siri keempat)



### Keadaan Corak Batiniyyah:

ADAPUN puak Batiniyyah yang dahulukala, telah mengambil kata-kata ahli falsafah dan diserapkan pada ajaran mereka, dan mereka mengarang kitab-kitab dengan cara begitu, dan mereka mengajak orang kepada mazhab mereka, berperingkat-peringkat dalam sembilan peringkat, sehingga peringkat dalam keadaan ilhad dan keluar dari ugama Islam dan membenarkan membuat olah apa yang dilarang dan ditegah oleh Islam.

Muhammad bin Ishak An-Nadim penulis Islam yang terkenal berkata dalam perkara peringkat yang ketujuh dari peringkat-peringkat mereka: "Bahawa saya telah membacanya dan saya dapati suatu perkara yang dahsyat iaitu mereka membenarkan membuat apa yang diharamkan dan ditegah oleh Islam dan menghina-hinakan ulama Islam."

Orang yang diketahui lebih dahulu menolak dan membantah ajaran Al-Batiniyyah ialah Abu Abdullah Muhammad bin Ali Rizam Al-Kufi seorang daripada pengikut Abu Bakar bin Al-Ukhshid dalam tempoh pertengahan kurun yang keempat hijrah. Setengah dari bantahannya ke atas puak Batiniyyah terdapat dalam karangannya berikut: "Setengah dari kelakuan orang Batiniyyah itu gemar berpindah dari satu tempat ke satu tempat, dan mereka tiada lama tinggal di sesuatu tempat itu, kerana takut orang jemu dengan mereka, dan supaya orang tidak mengetahui rahsia kedudukan mereka, dan mereka berpendapat sebaik-baik jalan bagi menyembunyikan keadaan mereka ialah dengan menghafaz ibarat Taurat, dan Injil, dan kitab-kitab Nabi, dan mengetahui bahasa-bahasa yang dipakai pada zaman mereka, dan mengetahui ilmu geometri dan handasah (arkitek/senibina) dan mengetahui kata ahli-ahli falsafah, dan berdamai pada zahirnya dengan segala penganut ugama. Dan berpura-pura menunjukkan bahawa ugama Yahudi ugama Nasrani, ugama Majusi, dan ugama Islam semuanya sama tujuan dan sama seruannya, dan bala yang ada ialah orang-orang jahil menyangka semua ugama itu bersalah-salahan dan berlawanan, sebab mereka orang-orang jahil itu berpegang pada zahir ugama dengan tiada berpegang pada batin ugama, dan mereka jahil akan makna-makna dan tujuan-tujuan yang dalam sesuatu ugama itu, dan bala kesalahan itu datang daripada orang-orang yang membawa ugama itu sendiri, dan mereka beramal dengan yang lain dari hakikat makna-makna ugama itu, dan manusia jikalau mereka ketahui akan batin erti-erti dan makna ugama itu, nescaya mereka lepas dari kesalahan itu dan mereka bersatu-padu dalam ugama itu," tamat katanya.

Ini adalah satu cara peringkat dari peringkat-peringkat ajaran Batiniyyah, begitulah mereka berkata dalam mazhab-mazhab ugama Islam mengajak disatukan semuanya dengan tujuan supaya dapat keluar meloncat dari ugama Islam.

Apa yang disebutkan di atas ini, boleh didapati dalam kitab-kitab Ghulatu Ahli Tasauf (pelampau-pelampau ahli Tausaf), sila baca Kitab Al-Insanul Kamil oleh Al-Jili, dan Ghulatu Ahli Tasauf tiada sunyi mereka dari mengikut Batiniyyah dalam setengah-tengah perkara.

Perbuatan pengarang-pengarang kitab "Rasailu Ikhwanis Safa" menunjukkan suatu peringkat dari peringkat mereka membuat tipu helah dengan mengatakan "Ugama itu bagi orang awam, dan kata hikmat dan falsafah bagi orang khas", kata yang salah ini yang datang daripada puak Batiniyyah dan lain-lain yang seumpama mereka, ialah bertujuan hendak keluar meloncat dari ugama Islam berterang-terang.

### Ulama menolak ajaran Batiniyyah

Al-Imam Al-Ghazali yang mati tahun 505 Hijrah sebaik-baik ulama pada menentang ajaran Batiniyyah bagaimana dalam kitabnya: Fadhaihul Batiniyyah" dan "Al-Qistas" dengan tiada menyentuh hal kelakuan mereka, dan Al-Qadhi Abdul Jabbarail Hamadzani yang mati tahun 415H juga telah menolak ajaran Batiniyyah dengan cara yang bagus dalam kitabnya Thasbitu Dalailin Nubuwah" dengan menyebut kelakuan mereka jika ada munasabah.

Angkara dan perbuatan puak Batiniyyah itu telah disebutkan menurut tahun-tahun berlakunya di dalam kitab-kitab tarikh. Maka tersebut dalam Tarikh Ibnul Athir, dan Tarikh Abil Fida', dan Tarikh Ibnul Wardiy, Tarikh Ibnu Kathir, Tarikh Ibnu Kaldun akan perkhabaran puak Batiniyyah itu dengan sepintas lalu, dan Al-Imam Abdul Qahir At-Tamimi telah menyebutkan dalam kitabnya Al-Farqu Bainal Firaq dengan panjang lebar dan ahli tarikh yang bernama Al-Muhibbi telah menyebutkan dalam kitabnya Khulasatul Athar (3 — 267), tatkala ia bercakap dalam perkara puak Ad-Duruz katanya: "Adapun iktikad Ad-Duruz itu samalah seperti iktikad puak An-Nusairiyyah dan Al-Isma'iliah, semuanya itu ahli Zindeq dan Ilhad keluar dari ugama Islam. Kemudian ia menukilkan perkataan ulama Islam dalam berbagai-bagai mazhab, dan nas perkataan ulama itu begini: "Bahawa puak-puak Duruz dan Isma'iliah Nusairiyah itu telah sekata dan Ittifaq kaum muslimin akan kufur mereka, dan barangsiapa syak akan kufur mereka setelah diberitahukan keadaan mereka, maka ia menjadi kafir seperti mereka, dan mereka lebih kufur dari Yahudi dan Nasrani, kerana tiada halal berkahwin dengan mereka....." dan seterusnya kata-katanya, Rahimahullahu Taala.

Tersebut dalam Kitab Tarikh Al-Wafi (2: 304 — 309) dengan luas dan panjang lebar pada menyatakan iktikad puak Batiniyyah itu dan kumpulan puak Batiniyyah yang sulit itu telah melakukan huru-hara sepanjang masa Islam. Adapun orang yang mengendalikan kumpulan sulit Batiniyyah itu telah disebutkan dalam kitab-kitab perkara puak-puak dan kumpulan-kumpulan dalam iktikad kepercayaan (Al-Milalu Wan-Nihal), dan dalam kitab-kitab tarikh dan dalam kitab-kitab yang menolak dan membantah ajaran mereka, banyak nama-nama mereka didapati bersalah-salahan dalam kitab-kitab itu, sebabnya kerana kumpulan-kumpulan itu sulit dan mereka memakai nama dengan berbagai-bagai nama menurut masa dan tempat ketika digunakan mereka dapat bertapak dan kuat dalam sesuatu tempat dan negeri, oleh itu orang yang membahas darihal puak Batiniyyah sangat berhajat pada membaca segala nas-nas dan kata-kata dari berbagai-bagai rujukan, supaya dapat ia membuat sesuatu keputusan yang tepat.

Sebaik-baik tempat rujukan dalam perkara Batiniyyah ialah pada kitab-kitab yang dikarang oleh orang yang telah melihat huru-hara yang dibangkitkan oleh puak Batiniyyah dan orang yang sentiasa mengikut gerak-geri (pergolakan) puak Batiniyyah, tetapi kitab-kitab pada mengetahui puak yang dahulukala itu jarang-jarang boleh didapati, dan kitab yang mula-mula dicetak ialah kitab "Kashfu Asraril Batiniyyah Wa Akhbaril Qaramitah" karangan Al-Faqih Abi Abdullah Muhammad bin Malik bin Abi Al-Fadhailil Hammadil-Yamani seorang ahli fiqeh dari mazhab Ahlis Sunnah di Negeri Yaman yang hidup dalam pertengahan kurun yang keempat Hijrah, dia telah dapat menyamar diri dan mengikut puak Batiniyyah yang bernama "Sulaihiyyan" di Negeri Yaman, sehingga ia telah mengetahui betul-betul akan keadaan mereka, kemudian ia keluar dan mengarang kitab yang tersebut dengan memberi amaran kepada umat Islam dari angkara dan tindak-tanduk puak Batiniyyah itu.

Kitab Asrarul Batiniyyah itu telah dicetak oleh kenalan Al-Ustaz 'Izzat Al-'Attar cucu kepada cucunda Al-Allamatu Muhaddithush Sham; As-Syed Hamid bin Ahmad bin 'Ubaid Al-'Attaril Husaini iaitu guru kepada guru, kepada guru, kepada guru Al-'Allamatu Shaikhana Al-Kauthari Rahimahumullahu Ta'ala dalam Ilmu Hadis, dan Al-'Allamatul Kauthari telah mentashihkan asal "Kitab Kashfu Asraril Batiniyyah" dan menulis kata-kata pendahuluan yang panjang terhadap kitab itu: digunakan "Kitab ini menceritakan puak Batiniyyah yang bernama Qaramitah yang ada di Yaman dengan luas dan panjang lebar dan tiada boleh didapati (dirujuk) darihal mereka selain dari dalam kitab ini."

Demikianlah pendahuluan Al-'Allamah tuan guru Shaikhanal Kauthari Rahimahullahu Ta'ala di atas Kitab Kashful Asraril Batiniyyah itu dan telah dicetak pada tahun 1357H bersamaan tahun 1939 M di Mesir.

### Kumpulan-kumpulan sulit merbahaya ke atas Islam

Bahawa kumpulan-kumpulan sulit yang ditubuhkan oleh musuh-musuh Islam, adalah sejahat-jahat kumpulan dan seganas-ganas puak ke atas akidah, kepercayaan dan pegangan Islam, dan di atas hukum-hukum Islam dari semenjak zaman dahulu, kumpulan sulit musuh Islam itu berkulit dengan kulit orang, dan mereka menzahirkan diri kepada mana-mana kumpulan, dengan rupa yang disukai oleh orang, mereka bercorak dengan lain apa yang mereka telah sembunyikan dan simpan dalam hati. Mula-mula mereka berusaha menanam rasa syak akan hukum-hukum ugama Islam kepada orang-orang yang dihubungi itu, dengan cara berperingkat-peringkat, dengan tiada pula mereka membawa perkara-perkara yang menjadikan orang liar dari kata-kata mereka, bahkan kumpulan sulit musuh Islam itu berlembut-lembut dengan mangsa mereka, dan membawa mangsa mereka ke arah gawang tipu helah dengan mengikis dari jiwa mangsa mereka akan semangat membela akidah Islam, dan semangat berkorban pada mempertahankan Islam, sehingga mangsanya itu kosong dadanya dari memberi ghairah dan bersemangat kepada ugama Islam, kemudian mereka memperbagaikan mangsanya itu dengan acuan yang mereka kehendaki, dan jadilah mangsanya itu bercorak Ilhad, Zindqqah, Nifaq dan kufur dan membuang segala akidah kepercayaan ugama Islam.

Satu dari kumpulan-kumpulan sulit itu ialah kumpulan Batiniyyah yang sulit dan telah penuh sesak kitab-kitab tarikh pada mengkhabarkan angkara mereka ke atas umat Islam, dan fitnah pesona mereka pada menghalang Islam dari berkembang dengan bersih menurut corak yang asal, di dalam jajahan takluk negeri Islam, dan mereka bekerja pada mengoncang akidah Islam dan pada memadamkan cahaya iman dari dalam hati orang yang lemah dengan acuman tipu helah mereka, dengan berperingkat-peringkat dan menggunakan peluang dan kesempatan, semenjak pertengahan kurun yang ketiga hijrah, dan berjalanlah sepanjang masa, kita lihat api fitnah mereka menyala di sana dan malap di sini, pada hal pemerintah dalam negeri-negeri Islam, tiada ambil tahu akan gerakan Ilhad itu, dan kurang mengambil berat dengan membaiki hal-ehwal jiwa manusia sebelum kejahatan itu bermaharajalela dan sebelum bertapak, sehingga sukar hendak dibaiki keadaan kejahatan itu, padahal yang wajib yang mesti hendaklah sentiasa diawasi sarang-sarang kejahatan dan kerosakan yang menimpa ke atas Islam, dan bangun menjalankan kewajipan dengan berterusan dengan tiada leka dan lalai, pada memelihara semangat Islam, pada meninggikan kalimah Allah dan melindungi ajaran-ajaran Islam sama ada akidah, amal dan akhlak, kerana ajaran Islam adalah punca segala kebahagiaan, kalau tidak nescaya timbullah kehinaan dan binasalah harta benda dan anak pinak dan hilanglah kemuliaan dan kebesaran daripada umat Islam.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8 Mei, 1985 hingga ke hari Selasa 14 Mei, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| Mei | | | | | | | | | | | | |
| 8–10 | 12.23 | 3.37 | 3.38 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.44 | 4.52 | 4.39 | 4.53 | 6.05 | 6.06 |
| 11–14 | 12.23 | 3.38 | 3.39 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.51 | 4.38 | 4.52 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Perkhidmatan insuran diperkenalkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan insuran bagi surat dan bungkusan untuk mel udara dan laut telah mula diperkenalkan di negara ini.

Perkhidmatan yang telah dimulakan pada 1 Mei itu di jalankan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Setiap surat-surat dan bungkusan-bungkusan yang hendak menggunakan perkhidmatan tersebut nilai insuran maksima ialah terhad kepada $B1,000.00 sahaja.

Sementara itu pada tarikh yang sama jabatan berkenaan telah memulakan perkhidmatan-perkhidmatan pertukaran penghantaran mel udara secara langsung dan penyerahan ekspres di antara negara ini dengan Thailand.

Perkhidmatan bagi penyerahan ekspres di Thailand adalah bagi keseluruhan negeri. — JOE.

# Sejarah awal gerakan kerjasama

Oleh Ibrahim bin Haji Jalil

DALAM siri yang lalu, kita telah dapat sedikit sebanyak mengetahui apa dia kerjasama dan ringkasan sejarah penerimaan gerakan kerjasama di Brunei Darussalam, tetapi kita belum mengetahui dari mana asal-usulnya gerakan kerjasama dan peristiwa-peristiwa yang menyebabkan tertubuhnya gerakan kerjasama yang kita kenal pada hari ini sebagai usaha berani ramai dalam bentuk perniagaan.

### INDUSTRIAL REVOLUTION

Gerakan kerjasama telah bermula di Britain dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Usaha-usaha kerjasama memang telah diamalkan oleh berbagai pertubuhan di Great Britain beberapa kurun lamanya. Gerakan kerjasama sebagaimana yang terdapat sekarang ini boleh dikatakan telah dtubuhkan pada pertengahan abad yang ke-19 disebabkan oleh penderitaan kaum pekerja akibat dari 'Industrial Revolution'.

Sebelum datangnya 'Industrial Revolution' kebanyakan penduduk-penduduk di Great Britain hidup dengan bertani, berternak dan membuat perusahaan tangan seperti bertenun dan lain-lain pertukangan tangan. Walaupun pendapatannya kecil dan taraf kehidupan mereka rendah mereka berpuas hati dengan kehidupan yang aman dan tenteram. Industrial Revolution telah mengubah kehidupan mereka menjadi buruk. Banyak kilang-kilang telah didirikan dengan menggunakan kuasa steam dan mesin-mesin. Kilang-kilang itu telah mengeluarkan hasil dengan lebih banyak dan cepat. Ini telah membawa kekayaan dan kemakmuran bagi Britain, hingga terkenal sebagai pusat perniagaan dan kewangan di seluruh dunia. Malangnya, kekayaan dan kemakmuran itu terhad kepada golongan yang berada iaitu kaum majikan, tuan tanah dan sebagainya. Sebaliknya kaum pekerja telah mengalami penderitaan. Perusahaan-perusahaan tangan yang kecil terpaksa tutup kerana tidak mampu bertanding dengan kilang-kilang yang menggunakan mesin. Pekerja-pekerja dari perusahaan-perusahaan tangan yang tutup itu pun bertumpu ke bandar untuk mencari pekerjaan, perubahan-perubahan di bidang pertanian juga telah menghilangkan peluang petani-petani kecil yang menumpang bertani dan berternak di tanah yang dipunyai oleh tuan-tuan tanah. Mereka terpaksa mencari pekerjaan di kilang, oleh kerana terlampau banyaknya tenaga maka pekerjaan-pekerjaan pun susah didapati. Jikapun ada tetapi gajinya murah. Pekerjaan tidak tetap dan banyak yang menganggur. Tempat kediaman dan kesihatan pekerja-pekerja tidak terkawal sama sekali, dalam keadaan kacau-bilau yang demikian itu pekedai-pekedai pun tidak lengah-lengah mengambil kesempatan untuk mencari kekayaan dengan menjual barang-barang dengan harga yang mahal dan mencampurkan dengan barang-barang yang kurang baik dan menipu timbangan. Banyak pula majikan-majikan atau ketua-ketua pekerja membuka kedai di kilang masing-masing untuk mengikat pekerja-pekerja.

Pendek kata, pada masa itu keadaan ekonomi dan sosial bagi sebahagian besar dari kaum pekerja telah mengalami penderitaan yang buruk. Dari penderitaan itulah telah timbul semangat dan daya usaha pekerja-pekerja untuk memperbaiki nasib mereka terutama sekali dari segi barang-barang makanan yang mahal harganya. Dari sejarah terdapat beberapa usaha kerjasama untuk mengatasi soal sara hidup mereka. Dalam tahun 1760 satu kumpulan pekerja-pekerja 'Royal Arsenal' di Woolwich dan Chatam, di England telah mendirikan kilang gandum sebagai satu langkah menentang kenaikan harga tepung dan roti, makanan utama mereka, yang dikeluarkan oleh pihak perusahaan persendirian. Mereka telah mendapat tentangan yang hebat dari pihak persendirian yang telah sedia ada itu. Kesudahannya kilang gandum itu telah terbakar. Pihak persendirian telah disyaki membakarnya.

Di Scotland pula penenun-penenun di Fenwick telah menjalankan usaha kerjasama dengan membeli barang-barang bersama dalam tahun 1769 untuk menurunkan belanja sara hidup. Ini pernah dikatakan sebagai usaha kerjasama yang pertama yang hampir sama dengan perjalanan kedai syarikat kerjasama yang ada sekarang ini. Syarikat perusahaan juga telah dicuba oleh tukang-tukang jahit di Birmingham dalam tahun 1777.

Selain daripada usaha-usaha yang tersebut di atas terdapat banyak pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan orang-orang dermawan yang telah mencuba merengankan penderitaan pekerja-pekerja dengan cara membeli barang-barang makanan berbanyak-banyak dan menjual kepada pekerja-pekerja yang miskin dengan tidak mengambil untung. Kedai-kedai yang demikian telah terdapat di Oxford (1795), Essex (1797) Middlesex (1799).

Malangnya segala usaha-usaha yang tersebut di atas telah gagal dan tidak merupakan sesuatu gerakan yang terpimpin tetapi hanya sebagai percubaan-percubaan yang terpencil dan tidak diketahui siapa penganjurnya. Walau bagaimanapun ianya meninggalkan kesan kepada pekerja-pekerja bahawa apa yang telah dilakukan untuk mereka itu harus dapat mereka lakukan sendiri.

### PERINGKAT PERTAMA

Dalam suasana penderitaan yang dahsyat sebagaimana yang tersebut di atas telah muncul sebagai gerakan untuk memperjuangkan nasib pekerja-pekerja seperti Kesatuan Sekerja dan Gerakan Kerjasama yang menentang Sistem Ekonomi yang berdasarkan keuntungan bagi diri sendiri dengan tidak menghiraukan penderitaan orang ramai. Beberapa orang penganjur-penganjur telah tampil ke hadapan. Di antara mereka yang terkenal dalam sejarah kerjasama ialah Robert Owen.

### ROBERT OWEN

Pada tahun 1799 Robert Owen yang berasal dari keluarga miskin tetapi telah berjaya dalam hidupnya sehingga mempunyai kilang sendiri. Walau pun ia seorang kaya Robert Owen mengutuk sistem pertandingan yang tamak akan keuntungan sebagai sebab penderitaan kaum pekerja. Ia telah membuat banyak perubahan untuk memperbaiki keadaan pekerja-pekerja di kilangnya.

Beliau berpendapat bahawa dasar kerjasama yang bertentangan dengan dasar pertandingan akan memberikan peluang kepada kaum pekerja untuk melepaskan diri mereka dari kemiskinan dan penderitaan. Banyak pembela-pembela masyarakat yang berpendapat bahawa penderitaan orang ramai telah disebabkan oleh monopoli yang dibolot oleh tuan-tuan punya tanah dan kilang. Mereka menuntut supaya dihapuskan hak-hak itu dan dikembalikan kepada orang ramai. Robert Owen menentang hak-hak persendirian tetapi tidak bersetuju dengan pendapat mereka untuk mengambil balik hak-hak persendirian itu. Ia percaya bahawa gerakan kerjasama hendaklah berdiri di kaki sendiri dengan mengumpulkan harta bersama supaya tidak perlu bergantung kepada sebilangan kecil yang menguasai cara pengeluaran dan kekayaan dan menggunakannya untuk kepentingan mereka sendiri dengan tidak menghiraukan penderitaan pekerja. Ia berpendapat bahawa jika sistem yang ada itu telah menyebabkan penderitaan dan kemiskinan suatu sistem lain yang berdasarkan kerjasama dan bukannya pertandingan akan dapat memberikan hasil. Maksudnya ialah mendirikan 'Perkampungan Kerjasama' yang terbuka kepada semua orang. Tidak memandangkan taraf kedudukan, corak politik, ugama atau kekayaan, untuk tinggal bersama, kerja bersama bagi mengeluarkan hasil dan semuanya berhak mendapat faedah sama rata. Ia mempunyai cita-cita yang lebih tinggi iaitu menubuhkan 'Perkampungan Kerjasama' serupa itu di seluruh Great Britain.

Sebagai langkah pertama ia telah menubuhkan sebuah 'Perkampungan Kerjasama Owenite' di New Lanark, Scotland, untuk pekerja-pekerja di kilangnya. Pada permulaannya percubaannya itu berjaya untuk membuktikan bahawa pekerja-pekerja boleh diberi layanan yang sempurna dengan tidak mengurangkan keuntungan. Perkampungan Masyarakat Queenwood telah ditubuhkan di bawah arahan Robert Owen. Namun demikian, pada tahun 1844 satu kumpulan seramai 28 orang pekerja di Bandar Rochdale, England yang telah pernah memasuki syarikat kerjasama, yang telah ditubuhkan di bandar itu pada tahun 1833. Bagaimanapun syarikat itu ditutup pada tahun 1835. Dengan tidak putus asa dan ingin mencuba lagi kerana mereka mempunyai penuh keyakinan bahawa syarikat yang dikendalikan dengan sempurna dapat mengatasi masalah penderitaan yang dihadapi oleh kaum pekerja. Mereka telah mengkaji sebab-sebab kegagalan syarikat-syarikat yang terdahulu itu. Di antara sebab-sebabnya ialah: —

1. Tidak ada kesefahaman antara pemimpin dengan pengikut-pengikut.
2. Pemimpin-pemimpin dan pekerja-pekerja tidak jujur dan amanah.
3. Kebanyakan ahli tidak faham apa maksud syarikat yang sebenarnya.
4. Hutang-hutang yang tidak berbayar.

Mereka pun menyusun peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang akan dijadikan pegangan serta panduan ahli-ahli syarikat yang mereka akan tubuhkan.

Dari kejayaan Syarikat Kerjasama Rochdale pada tahun 1844 itulah syarikat kerjasama telah berkembang ke seluruh England, Eropah dan ke seluruh dunia termasuklah negara kita Brunei Darussalam ini pada bulan Julai, 1975.

Gerakan Syarikat Kerjasama di Negara Brunei Darussalam kita ini baru berusia sembilan tahun. Sungguhpun syarikat kerjasama di negara kita ini muncul 132 tahun terkemudian dari Syarikat Kerjasama Rochdale tadi kita adalah sangat beruntung kerana kita tidak menghadapi penderitaan seperti yang dialami oleh mereka. Kegagalan syarikat-syarikat kerjasama yang terdahulu itu serta perjuangan mereka dapat dijadikan pelajaran dan panduan bagi menjayakan syarikat kerjasama di negara kita ini.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 8 Mei, hingga 14 Mei, 1985.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 8.5.1985 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 8.5.1985 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 8.5.1985 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 8.5.1985 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 11.5.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 11.5.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 11.5.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 11.5.1985 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 11.5.1985 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut | 11.5.1985 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 12.5.1985 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 12.5.1985 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 12.5.1985 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas | 13.5.1985 | Isnin | 9.30–10.30 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 13.5.1985 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 13.5.1985 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Besar Imas, Subok | 14.5.1985 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 14.5.1985 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

## Jadual menyembur DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah mengatur jadual-jadual penyemburan ubat DDT bagi Daerah Temburong bagi bulan Mei ini.

Penyemburan ubat DDT itu ialah bagi mencegah penyakit malaria di negara ini.

Tempat-tempat yang terlibat ialah Negalan Iring, Negalang Unat, Pejabat Kerajaan, Temada, Semabat, Lepong, Kenua, Sembatang, Batang Duri, Sumbiling, Sibut Belingos, Pejabat Kerajaan, Batu Apoi, Labu Estate, Meniuo, Bekarut, Pejabat Kerajaan, Bokok dan Rataie, Belais dan Buda-Buda, Biang dan Ujong Jalan.

Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan diharap akan dapat memberikan kerjasama ke arah kelicinan usaha tersebut.

## Berkursus di INTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai dari Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kini berada di Kuala Lumpur, Malaysia untuk mengikuti Kursus Pengurusan Jabatan Penjara di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Mereka ialah Awang Mohammad bin Haji Damit dan Awang Abd Manan bin Haji Abd Rahman yang mengikuti kursus tersebut selama dua minggu bermula dari 19 April hingga 11 Mei depan.

### Sempena Hari Kesihatan Sedunia

# PEMBINAAN TANDAS DILANCARKAN

BERSEMPENA dengan Hari Kesihatan Sedunia tahun ini, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah melancarkan projek membina tandas di Kampong Mungkom, Kiudang, Tutong pada 14 April lepas.

Pembinaan tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Perubatan di jabatan tersebut, Awang Harun bin Ismail.

Projek pembinaan tandas itu adalah disesuaikan dengan tema Hari Kesihatan Sedunia, 'Belia sihat adalah sumber terbaik kita' dan ianya bertujuan bagi mendorong belia-belia dan penduduk-penduduk kampung sama-sama bertanggungjawab dalam melibatkan diri dalam meningkatkan kesihatan masyarakat dengan memperbaiki kebersihan alam sekitar.

Kerana pencemaran alam sekitar adalah punca merebaknya berjenis penyakit dan pembuangan najis manusia yang tidak betul adalah sebab utamanya.

Masalah ini banyak didapati di kawasan pedalaman di mana kemudahan untuk pembuangan dan pemungutan najis tidak mencukupi sedangkan najis manusia semestinya dibuang dengan betul. Jika tidak:



AWANG Harun Haji Ismail

**Ia boleh merebakkan penyakit yang berjangkit seperti kolera, ceret-beret, demam kepialu, 'hepatitis' dan lain-lain.**

**Ia boleh menyebabkan serangan cacing terutama di kalangan kanak-kanak.**

**Ia adalah tempat pembiakan yang sesuai bagi serangga yang membawa penyakit (lipas, semut, lalat, tikus dan lain-lain yang boleh menjangkiti makanan).**

**Adalah diharapkan anak-anak di pedalaman menggunakan tandas dengan betul dari mencemarkan kawasan belakang rumah atau tebing sungai.**



PEMERIKSAAN tandas oleh para pegawai serta penduduk kampung.

## SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

**Sebab utama pembiakan berbagai jenis penyakit berpunca dari pembuangan najis manusia yang tidak betul dan membawa kepada pencemaran alam sekitar.**

Kebersihan di kawasan ini boleh diperbaiki dengan adanya tandas tersebut dan tandas jenis sekatan air adalah amat sesuai kerana ianya mudah dengan perbelanjaan yang sedikit dengan peralatan tempatan boleh digunakan.

Dalam projek pembinaan ini penduduk-penduduk kampung telah ditunjuk ajar dan diberi nasihat mengenai cara-cara persediaan pembinaan tandas ini agar mereka akan dapat membinanya di rumah masing-masing, dengan pengawasan dan nasihat dari para pegawai dan kakitangan kebersihan alam sekitar.

**Adalah menjadi harapan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan supaya setiap rumah di pedalaman akan mengadakan tandas yang memuaskan dan mendidik anak-anak mereka untuk menggunakan tandas-tandas tersebut daripada mencemarkan kawasan belakang rumah dan tebing sungai.**

Projek pembinaan tandas di kawasan pedalaman akan diperluaskan di seluruh negara dan penglibatan serta kerjasama penduduk-penduduk kampung adalah penting untuk kejayaan projek tersebut.



JENIS tandas yang paling sesuai digunakan di kawasan pedalaman.

Bagi penduduk yang berminat untuk mengadakan tandas bolehlah menghubungi Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kesihatan.

Bersama-samalah kita mencegah penyakit daripada merebak dan mencegah pencemaran alam sekitar dengan membuat dan menggunakan tandas.

# DBP anjurkan aktiviti Mingguan Perpustakaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan mengadakan aktiviti Mingguan Perpustakaan bagi Daerah Brunei dan Muara, Temburong serta Tutong bermula Mei ini dan Jun depan.

Aktiviti-aktiviti itu mengandungi permainan dalam, membaca rumi, membaca jawi, bercerita melalui slaid, bercerita melalui kaset, peraduan mewarna, teka silangkata, masa bercerita dan melukis.

Membaca jawi akan diadakan pada 12 Mei, bercerita melalui kaset pada 19 mei, permainan dalam pada 26 Mei, bercerita melalui slaid pada 9 Jun, masa bercerita pada 16 Jun dan membaca rumi pada 30 Jun 1985.

Semua aktiviti itu akan dijalankan dari jam 2.30 hingga 3.00 petang, di bilik Aktiviti Perpustakaan kanak-kanak.

Aktiviti-aktiviti di Tutong ialah peraduan mewarna yang akan diadakan pada 18 Mei, masa bercerita pada 1 Jun dan permainan dalam pada 22 Jun. Ketiga-tiga aktiviti ini akan dimulakan dari jam 2.00 hingga 3.00 petang.

Sementara itu di Perpustakaan DBP cawangan Temburong, permainan teka silangkata akan diadakan pada 18 Mei bermula dari jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

## Panduan telex 1985

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Telekom Negara Brunei Darussalam telah pun menerbitkan Panduan Telex keluaran Mac 1985.

Pelanggan-pelanggan telex yang berhajat untuk panduan telex tersebut boleh mendapatkannya dari pusat-pusat Telekom di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait.

Bagi pelanggan di Daerah Brunei-Muara, bolehlah mendapatkan panduan tersebut di Pejabat Telekom Bahagian Perdagangan (Bangunan Lama), sementara pelanggan-pelanggan di Daerah Belait, di Pejabat Telekom Kuala Belait.



## Kursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Penguasa Pos, Jabatan Perkhidmatan Pos negara ini kini berada di United Kingdom bagi menghadiri kursus pengurusan Filatelik.

Awang Ahmad bin Dato Setia Diraja Haji Mohd Yusof menghadiri kursus tersebut selama lapan minggu di Langfords Hotel, Hove, Sussex England.

Kursus yang bermula pada 7 Mei itu dianjurkan oleh Crown Agents.

# BPBC kelolakan G.C.E. 'O' Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mulai pada tahun 1986 peperiksaan GCE peringkat biasa aliran Melayu yang dikelolakan oleh Badan Peperiksaan Singapura akan diambil alih oleh Badan Peperiksaan Brunei-Cambridge.

Sehubungan dengan itu maka sukatan pelajaran bagi peperiksaan GCE peringkat biasa aliran Melayu sudah sama seperti sukatan pelajaran bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE peringkat biasa aliran Inggeris.

Oleh yang demikian mulai tahun ini penuntut-penuntut Tingkat IV aliran Melayu akan mengikut sukatan pelajaran yang sama seperti penuntut Tingkatan IV aliran Inggeris.

Mata pelajaran yang dibukakan kepada calon aliran Melayu bagi peperiksaan Brunei Cambridge peringkat biasa 1986 berjumlah 16 mata pelajaran.

Mata-mata pelajaran itu termasuklah Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, Sejarah (Brunei), Ilmu Alam (Brunei), Ekonomi, Bahasa Arab, Ilmu Hisab 'D', Sains Pertanian, Biologi Manusia dan Kemasyarakatan, Sains Gabungan, Lukisan, Pertukangan Kayu, Makanan dan Ilmu Pemakanan dan Urusan Rumah Tangga serta Fesyen dan Fabrik.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 8 MEI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 WOOLY VALLEY
4.40 WILD KINGDOM : "Exploring Jaguar Country"
5.10 IT'S YOUR MOVE
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Blood Is Thicker Than Steele"
Walter Gallen dipanggil balik untuk menjadi saksi Kerajaan dalam satu perbicaraan dengan bekas majikannya. Dia telah mengupah Laura dan Remington untuk melindungi kedua-dua anaknya sehingga selesai perbicaraan.
7.43 AZAN ISYAK
7.47 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
10.15 FORUM : "Pelancongan di Brunei"
11.05 ROAD TO WEMBLEY
11.55 BUFFALO BILL
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 9 MEI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
7.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE (Siri baru)
6.25 A WHOLE WORLD OF CHILDREN : "Argentina: USA"
Kita pergi ke Pulau Fuego, di hujung Selatan Argentina di mana adik-adik dapat berkenalan dengan Susanita. Kita juga meninjau kehidupan penduduk-penduduk di sana yang hanya 1000 kilometers dari Kutub Selatan. Bahagian kedua kita berkena'an dengan Jimmy, 10 tahun anak seorang jurulatih water skiing di Amerika Syarikat.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM
7.43 AZAN ISYAK
7.47 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 HIDAYAT
9.15 LIPUTAN ISTIADAT BERKHATAN BAGI CHUCHUNDA KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN JENERAL HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, MENTERI PERTAHANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, IAITU YANG AMAT MULIA PENGIRAN ANAK ABDUL WADOOD BOLKIAH BIN PENGIRAN LELA CHETERIA SAHIBUN NAJABAH PENGIRAN ANAK HAJI ABDUL AZIZ.
10.15 GLITTER
11.15 THREE'S COMPANY: "Case Of The Missing Blonde"
Setelah beberapa kali kejadian yang mencurigakan, Jack dan Janet percaya Cindy telah diculik. Mereka berkejar untuk menyelamatkan Cindy dan mendapatinya hanya keluar bersama ayahnya.
11.45 TAYANGAN GAMBAR : "The Yellow Handkerchief"
1.15 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 10 MEI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.25 THE YEARLING : "Mixed Blessing"
Jody dan keluarganya gembira dengan keibaan hujan tetapi menjadi khuatir apabila diikuti dengan angin dan ribut yang kencang menimpa mereka.
1.40 THE BATTLE OF NETWORK STARS
2.30 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE
3.00 MIANI MIATU
3.25 WEBSTER
3.38 AZAN ASAR
3.42 WEBSTER — sambungan
4.00 CANDID CAMERA
4.30 THE WILD SOUTH : "Same Time, Same Place"
4.55 THE SECRET RAILROAD
5.15 PROFILES OF NATURE : "The Great Grey Owl"
Mempaparkan satu dari beberapa jenis burung hantu yang terdapat di Kanada.
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 200 — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI "V" : "The Overlord"
7.43 AZAN ISYAK
7.47 SIRI "V" — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.55 LIPUTAN NASIONAL
9.25 DOKUMENTARI : Campak
10.00 MAGNUM (Siri baru) "Legacy Of Garwood Huddle"
10.55 DALLAS: "Do You Take This Woman"
Hari perkahwinan Bobby dan Jenna telah tiba tetapi satu panggilan telefon misteri menjadikan tetamu yang hadir tertunggu-tunggu kepada mempelai yang tidak tiba.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 11 MEI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DUNGEONS AND DRAGONS : "The Box"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Hands"
6.25 I DREAM OF JEANNIE : "Uncles A Go Go"
Ayah-ayah saudara Jeannie mempersetujui perhubungannya dengan Tony.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER
7.43 AZAN ISYAK
7.47 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 PERTANDINGAN BINTANG REMAJA '85 PERINGKAT SEPARUH AKHIR (Preview)
10.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Langit Petang"
11.30 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Heaven Can Wait"
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 12 MEI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 WORLD OF SPORTS
12.23 AZAN ZUHUR
12.27 WORLD OF SPORTS — sambungan

**PETANG**

1.15 TAYANGAN GAMBAR : "The Prince Who Was A Thief"
Kisah ala 1001 malam. Seorang putera raja yang dipelihara dan dibesarkan oleh penyamun dan dikasihi pula oleh seorang kutu jalan. Pelakon-pelakon: Tony Curtis, Piper Laurie, Everette Sloanne, Jeff Corey.
2.45 SUPERGRAN (Siri baru) "The Magic Ray"
3.15 PINK PANTHER, ANT AND AARDVARK
3.39 AZAN ASAR
3.43 PINK PANTHER, ANT AND AARDVARK — sambungan
3.47 BILL COSBY SHOW
4.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
4.55 SCIENCE AND SOCIETY : "The Plastic Airp'ane"
5.05 PRESTIGE: "Dinky Hocker"
Dinky selalu bernafsu untuk makan dan minta bantuan ibunya. Ibunya pula selalu sibuk dengan urusan sendirian hingga tidak mengetahui masalah anaknya. Dinky membuat percubaan terakhir dan seterusnya berjaya.
6.00 BERITA AWAL
6.05 FRANKENSTEIN JR AND THE IMPOSSIBLE
6.25 FOUL-UPS, BLEEPS AND BLUNDERS
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 FOUL-UPS, BLEEPS AND BLUNDERS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP : "Rules To Die By"
7.43 AZAN ISYAK
7.47 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 SELEKTA DANGDUT
9.25 SPICE OF LIFE: "More Pepper"
9.50 IT TAKES TWO
10.20 THE LAST DAY OF POMPEII Bhg. III (a)
11.10 FOX MYSTERY THEATRE : "Mark Of The Devil" Bhg. II
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 13 MEI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TOM FOOLERY SHOW
5.00 NEW SCOOBY DOO MYSTERIES
5.30 SURVIVAL SPECIAL : "Mysteriaus Journey"
Rombongan siri SURVIVAL akan membawa kita menjelajah ke satu kawasan yang terpencil di Sudan. Pemergian rombongan ke sana telahpun digelar "perjalanan misteri".
6.00 BERITA AWAL
6.05 SURVIVAL SPECIAL — sambungan
6.25 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER : "Dead Lock"
7.43 AZAN ISYAK
7.47 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK : "Ayam Korma Jagus"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.35 GIVE US A CLUE
10.00 DOKUMENTARI : Out Of Fiery Furnace
10.50 FALCON CREST : "Tarantella"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 14 MEI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WILDLIFE ON ONE : "Sparrows Of St James"
6.30 SPECTRUM
6.00 BERITA AWAL
6.05 CORAL WORLD : "The Flight of Pelicans"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 CORAL WORLD — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.43 AZAN ISYAK
7.47 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 ARENA SUKAN
9.45 REKASENI
10.35 DYNASTY
11.45 POT BLACK '84
12.10 SIARAN TAMAT.



SUPERGRAN — ialah satu siri komidi untuk adik-adik mempaparkan seorang nenek tua dengan telatah dan tenaganya yang mengkagumkan — bermula Ahad depan kira-kira jam 2.45 petang.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## RADIO TELEVISION BRUNEI TENDER NOTICE

### CONDITIONS OF TENDER

1. TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Bui.ding, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam and must be placed into the Tender Box provided at the above address not later than 12.00 noon on Monday, 20th May, 1985.
2. Tenders received later than the above date shall not be considered.
3. Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer. However, the reference number and closing date of the tender must be clearly indicated.
4. Tender documents, where applicable or further information may be obtained on application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam
5. Where tender documents are issued, tender returns must be made on the forms provided.
7. All tenders, which should provide the net C.I.F. by airfreight price, must also quote the latest shipment date for the goods. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of the Director of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.
8. Warranty period and conditions shall be clearly stated in any tender.
9. Tenderers agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.
10. For supply of goods by companies registered in Negara Brunei Darussalam, the goods are not to be consigned direct to Radio Television Brunei from Overseas suppliers or manufacturers and therefore must include 20% import duty (if dutiable).
11. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Draussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. RTB/09/85 — SUPPLY OF VALVES FOR MEDIUM WAVE, FM AND TELEVISION TRANSMITTERS

TENDERS are to be submitted for the supply of new, branded valves as detailed in the tender documents obtainable from the office of the Superintendent Engineer, Radio Television Brunei.

---

### TENDER No. RTB/10/85 — SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN MOSQUE/RTB INTERFACE

TENDERS are invited from licensed electrical contractors and companies with previous experience of large industrial installation of a similar nature.

The works involve for the supply and running of cables in existing underground cable trunking, installation, termination and supplying the required equipment and mountings.

A tender deposit of $200.00 is required, and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tender.

Tender document, and further information must be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam during normal Government working hours only.

Note : It is essential that prospective tenderers fully examine the site prior to the submission of any tender.

---

### TENDER No. RTB/11/85 — LIGHTING SUPERGEL FILTERS AND SPARES FOR STUDIO LUMINARIES — TELEVISION STUDIO

1. TENDERS are invited from Suppliers, Agents and Distributors of Rosco/Lee Supergel Filters and IANIRO Studio Luminaires for the tender as specified:—

SUPPLY OF ROSCO/LEE SUPERGEL FILTERS AND SPARE PARTS FOR STUDIO LUMINAIRES — TELEVISION STUDIO

2. Tender document and further information may be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam during normal Government working hours. On collection of tender document a deposit of $200.00 shall be required and will be refunded to all who sumbit genuine but unsuccessful tenders.

3. Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Brunei.

---

### TENDER No. RTB/12/85 — SUPPLY OF PORTABLE AUDIO RECORDING EQUIPMENT FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

1. TENDERS are invited from Suppliers, Agents and Distributors of Audio Equipment for the tender as specified:

SUPPLY OF PORTABLE AUDIO RECORDING EQUIPMENT FOR RADIO TELEVISION BRUNEI.

2. Tender document and further information may be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam during normal Government working hours. On collection of tender document a deposit of $200.00 shall be required and will be refunded to all who sumbit genuine but unsuccessful tenders.

3. Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Brunei.

4. Technical Brochures and specifications must be submitted to RTB not later than 7 days after the closing date of this tender and shou'd bear the name and address of the tenderer.

---

### TENDER No. RTB/13/85 — SUPPLY OF 1 UNIT OF 'STEENBECK' 16 MM 6-PLATES FILM EDITING MACHINE AND 1 UNIT OF 'STEENBECK' 16 MM 2-PLATES FILM EDITING MACHINE AND THEIR ACCESORIES FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

1. TENDERS are invited from Suppliers, Agents and Distributors of Fi m Editing equipment for the tender as specified:

"SUPPLY OF 1 UNIT OF 'STEENBECK' 16 MM 6 PLATES FILM EDITING MACHINE AND 1 UNIT OF 'STEENBECK' 16 MM 2-PLATES FILM EDITING MACHINE AND THEIR ACCESSORIES FOR RADIO TELEVISION BRUNEI."

2. Tender documents and further information may be obtained by application to:

The Director
FAO Superintendent Engineer
Radio Television Brunei
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

during normal working hours.

3. Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Brunei.

4. Technical brochure and specification together with lists of recommended spare parts must be submitted to RTB not later than 7 days after the closing date of this tender and should bear the name and address of tenderer.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

### TO SUPPLY AND INSTALL HEAVY DUTY CARPET

### TENDER No. RTB/14/85

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 13 Mei, 1985 bagi perkara di atas.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang bertutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat pembekal di sampul surat tersebut kecuali Bilangan Tawaran (Tender No :) sahaja ditulis dengan jelas.

4. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Radio Televisyen Brunei bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai sebarang pengecualian tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### Tender No. RTB/15/85 — To Supply Additional Musical Instruments

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Mei, 1985 bagi perkara di atas.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendak!ah dihantar dalam sampul surat biasa yang bertutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat pembekal di sampul surat tersebut kecuali Bilangan Tawaran (Tender No.) sahaja ditulis dengan jelas.
4. Barang-barang hendaklah dihantar terus ke Jabatan Radio Televisyen Brunei.
5. Pembekal-pembekal tempatan hendaklah memberi harga tawaran dengan memasukkan cukai import 20% (jika berkenaan). Manakala pembekal-pembekal luar negeri hendaklah memberi harga net C.I.F.
6. Tempoh jaminan (warranty period) dan syarat-syarat lain jika ada, hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam tawaran.
7. Semua tawaran hendaklah menyatakan tarikh terakhir pengiriman barang-barang dan jika gagal memenuhi syarat ini. Pengarah RTB adalah berhak untuk memberhentikan dan seterusnya membatalkan pembeliannya.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### LIST OF MUSICAL INSTRUMENT

(Brouchers or Catalogues to be included)

| | Item | Brand | Model | Quantity Required |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Flute | SELMER | Selmer Omega 92 (Gold-Plated) | 1 unit |
| 1. | Keyboard Combo Amplifier | MARSHALL | 5306–60 Watt | 1 unit |
| 3. | Grand Piano | KAWAI (or Equivalent) | KG–2 D | 1 unit |
| 4. | Bb Trumpet | CONN | Conn Connstellation (Gold-Plated) | 1 unit |
| 5. | Digital Analog Drum System (Complete with 5 set Zildjian cymbals with mixer and amplifier) | SIMMONS DRUM | SDS–7 | 1 set |
| 6. | Lead Guitar | FENDER | Vintage 62 stratocaster (with Rosewood fingerboard) | 1 unit |
| 7. | P. A. Mixer (complete with SST-120 Speakers) | ROLAND | 250 C | 1 set |
| 8. | Bb Trombone | CONN | Conn Director (Gold-Plated) | 1 unit |
| 9. | Music Stand (with Light) | Any Brand | — | 30 units |

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Mei, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hedaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JP/30/1985
Membekal dan Menghantar :
ALAT-ALAT PERABOT KE SRK. KAMPONG AYER
Cagaran : $300.00.

---

BIL : JP/31/1985
Membekal dan Menghantar :
ALATAN SUKAN KE MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN
Cagaran : $300.00.

---

BIL : JP/32/1985
Membekal dan Menghantar :
ALATAN SUKAN KE MAKTAB S.O.A.S.
Cagaran : $500.00.

---

BIL : JP/33/1985
Membekal dan Menghantar :
ALATAN SUKAN KE SRK. AHMAD TAJUDDIN KUALA BELAIT
Cagaran : $150.00.

---

BIL : JP/34/1985
Membekal dan Menghantar :
ALATAN SUKAN KE PUSAT TINGKATAN ENAM GADONG
Cagaran : $200.00.

---

BIL : JP/35/1985
Annual Maintenance Contract :
LANGUAGE LABORATORIES
Cagaran : $200.00.

## TAWARAN JABATAN PUSAT SEJARAH

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pencetak-pencetak untuk :

MENCETAK BUKU "TARSILAH BRUNEI."

Semua tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, atau dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dialamat tersebut dan hendaklah sampai sebelum jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Mei, 1985; di sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN MENCETAK TARSILAH BRUNEI."

Keterangan lanjut mengenai tawaran ini boleh didapati di Jabatan Pusat Sejarah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa bekerja. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau apa-apa jua tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 174 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No.: 84AR/016
MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT STATION WAGON.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 175 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No. : 84AR/016
MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT 7 TAN TIPPER TRUCK.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 176 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No. : 84AR/016
MEMBEKALKAN SATU (1) UNTUK SELF PROPELLED VIBRATING ROLLER 9 TAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 177 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No. : 84AR/016
MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT MOTOR GRADER.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 178 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan pembekal untuk

PROJEK No. : 84AR/016
MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT WHEEL LOADER 2½ CU YARD.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 179 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No. : 84AR/016
MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT WHEEL BACKHOE LOADER.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

### BIL: 180 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AW/038
PEMBAIKAN SEMENTARA KEPADA PARIT DAN KALBAT DI JALAN MANGGIS SATU, PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 181 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JUB002
CADANGAN DINDING GABION BAGI PEMBAIKAN TEBING SUNGAI DI KAWASAN PERKUBURAN DI JALAN DADAP KILANAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 182 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/JUB003
CADANGAN TANGGA KONKRIT DI PERKUBURAN ORANG-ORANG ISLAM DI KAMPONG SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 183 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 85AB/10500
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH RENDAH KERAJAAN NEGALANG, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI, DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Mei, 1985.

Tarikh tutup : 22 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/20/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN BAGI DEWAN PERSANTAPAN DI RUMAH PEGAWAI DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/50/1985**

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN KE ATAS LIFT DI SEMUA JABATAN-JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 29 Mei, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram : $1,000.00.

Kelayakan Pemborong : Pembuat atau Agen Pembuat yang diiktirafkan dan berdaftar sebagai Pemborong Elektrik Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/51/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK BANGUNAN TAMBAHAN DAN UBAH SUAI BAGI PEJABAT PERCETAKAN KERAJAAN LAPANGAN TERBANG, LAMA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 5 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/53/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 29 Mei, 1985 bagi kerja-kerja berikut:

REINFORCEMENT OF 11KV NETWORK AT MILE 5½, JALAN MUARA VIA INSTALLATION OF PACKAGE UNIT SUBSTATION AND HV/LV UNDERGROUND CABLE.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussa'am.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Khamis 23 Mei, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan E'ektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik ada'ah berhak untuk menolak sebarang tender yang t'dak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## TENDER NOTICE
## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at :—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

by 12 noon on the stated closing date.

Tender documents can be collected from :—

Head of Logistics & Procurement,
Police Headquarters,
Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

TENDER NO. 40/1985

SUPPLY & INSTAL OF COMPRESSED AIR SYSTEM FOR VEHICLE MAINTENANCE WORKSHOP

(Closing date — 20th. May, 1985).

TENDER NO. 41/1985

SUPPLY AND INSTAL OF VEHICLE MAINTENANCE LIFTS

(Closing date — 20th. May, 1985).

TENDER NO. 42/1985

SUPPLY OF SPARE PARTS FOR HOLDEN COMMODORE VEHICLE

(Closing date — 27th. May, 1985).

TENDER NO. 43/1985

SUPPLY OF SPARE PARTS FOR GRASS CUTTING MACHINES

(Closing date — 27th. May, 1985).

## PEMBETULAN

JAWATAN Pembersih—iklan Bil. : 69/1985 (27) bagi bahagian (b) yang disiarkan di muka 18 keluaran 24 April ialah bagi jawatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Jawatan Penghantar Saman — iklan Bil. : 69/1985 (36) pula ialah jawatan di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan.

Pemohon-pemohon bagi jawatan-jawatan berkenaan diharap mengambil maklum.

## Medical and Health Department Ministry of Education and Health Negara Brunei Darussalam

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tenders Box situated at:—

4th Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

By 12.00 noon on Monday 3rd June, 1985.

2. Detailed tender documents can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Medical and Health Department, Ministry of Education and Health.

Tender No. DMS/9/1985
SUPPLY OF A WHOLE BODY C. T. SCANNER
(Tender deposit $500.00)

Tender No. DMS/10/1985
SUPPLY OF ELECTRONIC COMPONENTS, TOOLS, SERVICE AIDS AND MISCELLANEOUS ITEMS FOR ELECTRONIC WORKSHOP.
(Tender deposit $500.00)

Tender No. DMS/11/1985
SUPPLY OF TOOLS AND STORAGE SYSTEM (TOOL RANGE PRODUCTS) FOR ELECTRONIC WORKSHOP.
(Tender deposit $500.00)

Tender No. DMS/12/1985
SUPPLY AND DELIVERY OF FM 2-WAY RADIO TEST EQUIPMENT AND ITS ACCESORIES.
(Tender deposit $500.00)

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Mei, 1985 bagi tawaran :—

MEMBEKAL DAN MENGANTAR BARANG/PERKAKAS UNTUK TAMAN SEKOLAH.

BIL : JP/37/1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $300.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alat-alat yang tersebut di atas ke daerah-daerah yang berkenaan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (3) 1985

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1 Penentuan-penentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

2 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.. (3) 1985.

3 Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Bangunan Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam,

tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 27 Mei, 1985.

4 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 154 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD414/0139

PROJEK SALURAN NAJIS BAGI PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dari didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 13 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 155 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/171

MENGADAKAN DAN MEMBEKAL: —

1) 12 SET PERABOT KELAS III BAGI 1 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA E BENGKURONG
2) 6 SET PERABOT KELAS III BAGI 1 BLOK 6 UNIT RUMAH PANGSA E SINAUT
3) 6 SET PERABOT KELAS III BAGI 1 BLOK 6 UNIT RUMAH PANGSA F SINAUT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 156 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/171

MENGADAKAN DAN MEMBEKAL: —

1) 24 SET PERABOT KELAS III BAGI 2 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA E TEMBURONG (KAKITANGAN PEGAWAI DAERAH)
2) 1 SET PERABOT KELAS III BAGI PERUMAHAN E DI PEKAN BANGAR
3) 3 SET PERABOT KELAS III BAGI PERUMAHAN G DI PUNI (UNTUK JABATAN PERTANIAN)

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 157 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/171

MENGADAKAN DAN MEMBEKAL: —

1) 4 SET PERABOT KELAS III BAGI 1 BLOK 4 UNIT BARIK BAHAGIAN SALURAN NAJIS DI TUTONG
2) 12 SET PERABOT KELAS III BAGI 1 BLOK 12 UNIT BARIK DI JERUDONG PARK.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 158 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Pakar Kalis Air sahaja untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

CADANGAN KALIS AIR UNTUK PAPAK BUMBUNG KONKRIT SEDIA DI BANGUNAN PEJABAT BANDARAN, JALAN SULTAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dari didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 159 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13600

PEMBAHARUAN LANTAI BAGI DEWAN PAMERAN DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 160 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH UGAMA PG. MUDA AL-MUHTADEE BILLAH KAMPONG LURONG DALAM, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: 161 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL107, 85AB/PEL110, 85AB/PEL0111 DAN 85AB/PEL012

PEMBINAAN ATAP TANGGA BANGUNAN YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SINAUT, SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BIRAU, SEKOLAH RENDAH KERAJAAN KUPANG DAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 162 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal Cat diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya sahaja untuk:

PROJEK No.: 85AB/10300

KERJA-KERJA MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR DAN MENCAT SEMULA 15 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'F' YANG SEDIA ADA DI KAWASAN PERUMAHAN LAPANGAN TERBANG LAMA, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 163 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PRJEK Na.: AD426/3201

PEMBINAAN BANGUNAN IBU SAWAT TELEFON DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 164 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AD/RAM002

CADANGAN SATU UNIT PERUMAHAN KELAS 'G' BAGI KELAB POLO DIRAJA, JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 165 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/016

MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT "STATION WAGON 4 WHEEL DRIVE".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

### BIL: 166 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/016

MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT "26 SEATER BUS".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

### BIL: 167 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/016

MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT "STATION WAGON 4 WHEEL DRIVE".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

### BIL: 168 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR407/1101

PENANAMAN RUMPUT TEMPATAN DI ATAS TANAH LERENG PERTEMUAN JALAN MANGGIS — SUBOK, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 11 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 15 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 169 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0139

CADANGAN PARIT BAGI PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 170 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 1 BLOK 3 TINGKAT PEJABAT PEMELIHARAAN, 1 BLOK 2 TINGKAT PUSAT PERUBATAN DAN 1 BLOK BLOK BAND, BERTEMPAT DI KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 171 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

TAMBAHAN PAGAR KESELAMATAN KEPADA KAWASAN IBU PEJABAT POLIS DIRAJA SEPANJANG JALAN GADONG DAN JALAN TUNGKU, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 172 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/JPK001

PEMBINAAN 2 UNIT BARIK TAMBAHAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI KAKITANGAN PERUBATAN DI LOT 4183, JALAN RAMBAI, KAMPONG LAMUNIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 173 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL099

CADANGAN PEMBAIKAN PADANG SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SELAPON, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Mei, 1985.

Tarikh tutup: 20 Mei, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

# Lebih 86 peserta sertai Seminar Kebudayaan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 86 peserta undangan dan perseorangan dijangka akan menghadiri Seminar Kebudayaan Brunei di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 12 hingga 16 Mei ini.

Seminar lima hari anjuran Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Badan Kebudayaan itu bertemakan Kebudayaan Asas Keperibadian Bangsa.

Sebanyak tujuh buah kertas kerja dijangka akan dibentangkan di sepanjang seminar tersebut. Ianya khusus membincangkan dan menganalisa perkara-perkara yang ada kaitan dengan kebudayaan Brunei dan seterusnya membuat rumusan mengenai konsep kebudayaan Brunei.

Kertas kerja yang diseminarkan kelak ialah Identiti dan Kebudayaan Brunei (satu penganalisaan), Kebudayaan Brunei Menurut Pandangan Islam, Kraftangan Brunei (masa depannya), Gulingtangan Sebagai Permainan Muzik Tradisional. Tarian dan Nyanyian Asli Brunei dan Peranan Agensi-agensi Kerajaan Dalam memperkenalkan dan Memperkembangkan Kebudayaan Brunei.

Seminar tersebut difahamkan antara lain bertujuan untuk mengenal pasti identiti dan merumuskan konsep kebudayaan Brunei memperkembangkan dan menyebar luaskan kebudayaan serta meningkatkan semangat cintakan kebudayaan negara ini.

Seminar Kebudayaan Brunei yang dikelolakan oleh Badan Budaya itu akan dirasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, Menteri Pembangunan, Negara Brunei Drussalam.

Ianya adalah merupakan seminar yang julung kali diadakan oleh badan tersebut. Di samping bagi menghidupkan semula kebudayaan dan kesenian tradisional Brunei, badan ini juga bermatlamatkan menambahkan pengenalan kebudayaan asli Brunei di kalangan antarabangsa dengan cara menguruskan dan menganjurkan pertukaran timbal balik kebudayaan dengan negara-negara lain melalui badan-badan antarabangsa.— JOE.

# Doa selamat

Dari muka 1

**TEMBAKAN MERIAM**

Tembakan Meriam 21 das telah dilakukan di Istiadat Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Lapau Penghadapan dan 19 das tembakan meriam di Istiadat Menjawati Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Balai Pemajangan Persantapan Diraja, Istana Darul Hana.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam telah membacakan doa selamat di kedua-dua istiadat tersebut.



ALAT-alat bunyi-bunyian yang mengalunkan 'Nobat Diraja' dalam Istiadat Menjawati Pengurniaan Gandang Jaga-Jaga di Balai Pemajangan Persantapan Diraja, Istana Darul Hana. Gandang di tengah bernama 'Nakara' dan di kiri kanan bernama 'Gandang Labek' di belakangnya ialah 'Agong' dan dua orang peniup 'Serunai'. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

## Penulis-penulis diseru

# PERTAHANKAN KEDAULATAN BAHASA RASMI NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Ahmad bin Kadi menyeru para penulis agar terus mempertahankan kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara di samping terus menyuburkan hasil karya masing-masing.

**Oleh Abd. Karim HAB**

Beliau menambah, semoga dengan niat yang baik dan usaha yang jujur, hasil karya mereka akan tetap menjadi ristaan sejarah, sanjungan dan kabanggaan generasi akan datang.

"Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang dikuatkuasakan oleh Perlembagaan 1959 itu bukanlah merupakan suatu kemujuran. Tetapi dari segi sejarah bertulisnya lagi Bahasa Melayu telah mula digunakan sejak zaman berzaman bermula dalam abad ke-7," tegas beliau dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Novel sempena Kemerdekaan Brunei 1983 di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada hari Sabtu lepas.

**MENCABAR**

Berhubung dengan perkembangan Bahasa Melayu di rantau ini, beliau menyatakan, ianya amat mencabar dan agak deras pertumbuhannya.

Katanya, penglibatan negara ini dalam usaha-usaha ke arah perkembangan kebahasaan terutama di waktu-waktu akhir ini memerlukan kita meningkatkan lagi usaha dan menunjukkan sikap positif agar kita dapat mengikut setiap langkah yang 'terancang' dan 'terarah' sesuai dengan kehendak dan tuntutan kemajuan bahasa itu untuk mengimbangi kemajuan-kemajuan dalam aspek-aspek lain.

"Menyedari hakikat ini, kita berharap agar anak Brunei akan sama-sama 'pitah' dan 'lancar', 'bijak' dan cerdik' dalam membahaskan soal-soal 'kebahasaan'," ujarnya lagi.

Mengenai novel-novel yang memenangi peraduan itu, beliau memberitahu, ada di antaranya nanti akan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Kami yakin penerbitan novel ini nanti tentu akan dialu-alukan oleh masyarakat kita kerana ini adalah merupakan wadah bangsa kita dan seharusnya inilah di antara khazanah yang perlu kita banggakan sebagai wakil bangsa dan sasterawan Brunei yang dilahirkan dalam zaman kemerdekaannya."

"Sehubungan dengan peraduan ini dan sesuai dengan dasar penubuhan DBP, ceraian satu yang berbunyi, 'Berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan Bahasa Melayu, maka DBP dari semasa ke semasa akan terus mengadakan beberapa peraduan penulisan sama ada yang berbentuk kreatif atau akademik," jelasnya lagi.





TETAMU kehormat, Dato Paduka Awang Selamat menyampaikan hadiah penghormatan keduа $10,000 kepada Awang Muslim bin Haji Burut.

Dari muka 1

dari penulis-penulis negara ini jelas menunjukkan mereka selain mempunyai bakat kecenderungan dalam menulis novel malah juga mempunyai kegigihan, ketekunan dan semangat yang diperlukan untuk menghasilkan karya novel meskipun mereka menghadapi tekanan masa.

"Saya dengan seikhlas-ikhlasnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penulis-penulis kita yang berjaya menghasilkan novel-novel dan telah dapat menghadapkannya untuk peraduan lebih-lebih lagi kepada pemenang-pemenang," ujarnya lagi.

# Pemilihan Ketua Kampung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara baru-baru ini telah meneruskan lagi pemilihan calon-calon ketua kampung mereka secara berasingan.

Kampung-kampung berkenaan ialah Kampong Madang, Jaya Setia, (Jaya Bakti dan Berakas Estate) Bengkurong dan Menglait Gadong.

Seramai 15 orang telah dicalonkan bagi memegang jawatan ketua kampung di lima buah kampung tersebut. Tiga orang darinya telah dipilih bagi Kampong Madang, empat orang lagi dicalonkan bagi Kampong Jaya Setia (Jaya Bakti dan Berakas Estate) sementara lima orang di Kampong Bengkurong dan tiga yang lain pulau di Kampong Menglait Gadong.

Majlis pencalonan tersebut adalah dikelolakan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Sementara itu, tiga buah kampung lagi akan dijadualkan mengadakan perjumpaan yang sama bagi memilih pencalonan ketua kampung masing-masing.

Kampung-kampung tersebut ialah Kampong Lurong Sikuna, Kampong ayer Berkunci (Kampong Sumor) dan Kampong Serusop.

Kepada penduduk yang berkenaan adalah dipersilakan hadir di majlis itu nanti di tempat yang telah dijadualkan.

# Bekas MB terima anugerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, bekas Menteri Besar Brunei telah dianugerahkan pingat "The First Class of The Order of Rising Sun".

Pengurniaan itu adalah bersempena Hari Keputeraan Maharaja Hirohito yang ke-48 tahun. Maharaja Hirohito adalah Maharaja yang ke-124 yang memerintah Negara Jepun.

Menurut satu siaran yang dikeluarkan oleh kedutaan Jepun di sini pengurniaan tersebut adalah memandangkan kepada jasa-jasa Yang Amat Mulia dalam mengeratkan perhubungan dan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Siaran itu menambah, majlis pengurniaan dijangka akan diadakan dalam bulan Mei ini yang akan dilakukan oleh Tuan Yang Terutama Awang Tomoya Kawamura, Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, kedutaan Jepun di negara ini telah menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan Maharaja Hirohito dan Hari Kebangsaan Negara Jepun.

Tetamu kehormat di majlis itu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, Menteri perhubungan Negara Brunei Darussalam.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan dan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof berbual mesra dengan Tuan Yang Terutama Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam dalam majlis menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan Maharaja Hirohito dan Hari Kebangsaan Jepun pada minggu lalu. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

# Pameran gubahan bunga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpustakaan Dewasa dengan gabungan Badan Kebajikan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan ceramah Tunjukcara Gubahan Bunga dan seterusnya pameran pada hari Ahad 19 Mei, 1985 bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka mulai jam 9.00 pagi.

Pameran tersebut akan diadakan sehingga 27 Mei dan orang ramai adalah dipersilakan hadir menyaksikan pameran tersebut mulai dari jam 8.00 pagi hingga jam 4.00 petang.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.